

Pemilik tanah turut berdepan tindakan

Shah Alam: Pemilik tanah di negeri ini khususnya di kawasan berhampiran kuari Sungai Long, Kajang, diberi amaran tidak bersekongkol dengan sindiket mencuri pasir kerana tindakan itu boleh menyebabkan tanah mereka dirampas.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menasihatkan pemilik tanah supaya mengambil tahu dan melaporkan segera tindakan pencerobohan di kawasan tanah mereka jika tidak mahu tindakan rampasan tanah dilakukan.

Menurutnya, pemilik tanah harus mengelak daripada bersubahat dengan sindiket mencuri pasir kerana pejabat daerah mempunyai hak untuk merampas tanah mereka.

"Dalam kes ini, pemilik tanah tetap boleh hilang tanah (hak) kerana mereka bertanggungjawab memastikan tanah mereka tidak dicuri," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Pelancaran Kursus Perdana Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri (SEROJA) Negeri Selangor di sini, semalam.

Kegiatan curi pasir di Sungai Long dikesan dalam operasi bersepadu selama tiga jam bermula jam 2 pagi Khamis lalu, membabitkan Suruhanjaya Pencegahan

“ Dalam kes ini pemilik tanah tetap boleh hilang tanah (hak) kerana mereka bertanggungjawab memastikan tanah mereka tidak dicuri”

Abdul Khalid Ibrahim

Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen, Tenaga Nasional Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Dalam serbuan itu, sebuah tangki besar berisi 500 liter diesel subsidi ditemui di tapak lombong berkenaan selain bekalan tenaga elektrik dikesan dicuri untuk kegunaan penghuni rumah kongsi berhampiran.

Tanah kerajaan dan milik persendirian dengan keluasan 60 hektar itu beroperasi tanpa permit dan doket sah sama ada untuk pengeluaran pasir atau bahan buangan kuari.

Sindiket dipercayai mengaut keuntungan sehingga RM12.48 juta setahun iaitu RM52,000 sehari hasil daripada kegiatan itu.